

Ruj. Kami : PMS/ UP/ 656/ 1/( 1 )

Tarikh : 7 Januari 1997

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah

Semua Ketua Eksekutif Badan-Badan Berkanun Persekutuan Sabah

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN  
MALAYSIA SABAH BILANGAN I TAHUN 1997**

---

**PERBELANJAAN BERHEMAT**

---

Adalah saya menarik perhatian Y.Bhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara di atas dan juga kepada surat pejabat ini yang telah mengedarkan surat daripada Kementerian Kewangan BS(8.03)198-2/SK yang bertarikh 15 Februari 1996 berkaitan dengan perbelanjaan berhemat untuk dijadikan panduan serta dipatuhi.

2. Sukacita pejabat ini mengingatkan agensi-agensi Kerajaan supaya berhemat di dalam perbelanjaan dan sentiasa berjimat cermat di dalam membelanjakan wang kerajaan. Kawalan yang ketat perlu dipertingkatkan diperingkat agensi bagi mengelakkan perbelanjaan berlebihan yang boleh melibatkan pembaziran.

3. Adalah didapati didalam tahun 1996, banyak agensi Kerajaan telah terlibat dengan perbelanjaan ke atas keraian, majlis-majlis rasmi, persidangan/ seminar, kursus, taklimat dan sebagainya di hotel-hotel di luar stesyen dan di tempat-tempat peranginan yang mana telah melibatkan peruntukan kewangan yang besar.

4. Adalah diharapkan kawalan yang ketat patut dikenakan dan semua perbelanjaan keraian dan majlis dihadkan kepada yang benar-benar perlu serta diperingkat sederhana sahaja. Di samping itu, terdapat beberapa program yang berkenaan, boleh diadakan dengan menggunakan kemudahan pejabat yang sedia ada.

5. Sehubungan dengan itu, pejabat ini berharap Y.Bhg.Dato'/Datuk/Tuan/Puan akan lebih berhemat di dalam perbelanjaan serta mempertingkatkan kawalan perbelanjaan.

Sekian. Terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

**T.T**

**( ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI )**

**Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.**

